

Pelakon kanak-kanak dilihat bukan cari nafkah keluarga

97.78% produksi tidak carum KWSP

Oleh **RIDZAUDDIN ROSLAN**

PUTRAJAYA – Sejumlah 97.78 peratus daripada 361 syarikat produksi yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama dilaporkan tidak membuat caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, peratusan itu diperoleh menerusi Kajian Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda Dalam Filem dan Drama yang dijalankan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Katanya, kajian itu turut menunjukkan hanya 2.22 peratus syarikat produksi berbuat demikian.

"Ia menunjukkan tiada kesedaran di pihak syarikat produksi, selain melihat pelakon kanak-kanak dan orang muda itu sebagai bukan pencari nafkah keluarga.

"Kekuatan dan akta dalam konteks ini perlu dipertingkatkan," katanya selepas melancarkan Laporan Kajian Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda Dalam Filem dan Drama di sini semalam.

Menurutnya, sebanyak 73.13 peratus syarikat produksi juga tidak mengetahui mengenai keperluan untuk mendapatkan lesen permit hiburan awam daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

"Hanya 4.16 peratus yang menyedari kepentingan lesen berkenaan, manakala 22.71 peratus tidak pasti," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 52.91 peratus syarikat produksi tidak pernah memohon lesen terbahari, manakala 47.09 peratus lagi tidak pasti.

"Sejumlah 63.43 peratus responden setuju bahawa akti-



MOHD. UZIR berucap pada majlis pelancaran Laporan Kajian Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda Dalam Filem dan Drama di Putrajaya semalam. – FAISOL MUSTAPA

viti pendidikan perburuhan perlu ditingkatkan agar kesedaran mengenai perkara itu dapat dipertingkatkan," ujarnya.

Katanya, tiga kumpulan umur tertinggi pelakon kanak-kanak dan orang muda merangkumi 32.69 peratus usia 15 hingga 17 tahun 11 bulan dan 32.41 peratus berusia antara 13 hingga 14 tahun 11 bulan.

"Sebanyak 24.65 peratus kanak-kanak berusia lima tahun 11 bulan sehingga 12 tahun 11 bulan menjadi pelakon.

"Ibu merupakan golongan tertinggi penerima bayaran bagi pihak kanak-kanak dan pelakon muda sebanyak 50.42 peratus.

"Peratusan bapa sebagai

penerima pula adalah 18.84 peratus, manakala 14.40 peratus oleh penjaga," katanya.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan Laporan Kajian Diaspora Malaysia di Brunei yang menunjukkan 68 peratus dalam kalangan mereka adalah pekerja mahir dan 24.1 peratus adalah pekerja separa mahir.

"50 peratus diaspora berada di Brunei kerana bekerja manakala 50 peratus lagi bagi tujuan lain iaitu seperti berkahwin dengan warga Brunei (39.4 peratus), urusan keluarga (31.6 peratus), mengikut pasangan bekerja (23.1 peratus) dan menjalankan perniagaan (16.4 peratus)," katanya.